Buletin
Selangor
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR


BIL. **4/2012** - EDISI **OKT - DIS**



ms **16 & 17**

Istiadat / Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Selangor Yang Ke 67







Perbarisan Jubli Emas Wataniah Negeri Selangor ms **03**

Bengkel SKT 2013 SUK Selangor ms **07**

Majlis Sambutan Hari inovasi 2012 ms **13**



"Dalam mempertingkatkan kecekapan di dalam sistem penyampaian kita kepada pelanggan iaitu orang ramai, kita perlu sentiasa berfikiran kreatif dan inovatif supaya ia dapat memberi nilai tambah. Nilai tambah inilah yang sebenarnya membezakan kita dengan orang lain, iaitu pada perkhidmatan yang kita sampaikan. Keutuhan integriti adalah pra–syarat penting dalam usaha meletakkan penanda aras untuk mengukur kecemerlangan penyampaian sesuatu jabatan kerajaan tersebut. Sekali lagi saya menyentuh mengenai kreativiti dan inovasi yang mana ia berupaya melebarkan horizon pemikiran supaya kita dapat melaksanakan sesuatu yang mustahil pada waktu dahulu tetapi tiada yang mustahil pada masa sekarang. Justeru, produktiviti yang dipacu berdasarakan prinsip kreativiti dan inovasi mampu memberi perkhidmatan yang berkualiti dan impak yang tinggi dalam perkhidmatan jabatan kita."

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

ISI KANDUNGAN

Perbarisan Jubli Emas Angkatan Sukarela (Wataniah) Negeri Selangor	3
Lawatan Ketua Setiausaha Negara Ke Negeri Selangor	4
Program Mesra Rakyat Tahun 2012 Daerah Petaling Jaya	5
Pertandingan Menembak Jubli Emas Angkatan Sukarela (Wataniah) Negeri Selangor	6
Bengkel Sasaran Kerja Tahunan 2013 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	7
Program Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 2/2012	8
Majlis Jasamu Di Kenang – YB Dato' Mohd Arif Bin Abdul Rahman (Mantan Pegawai Kewangan Negeri)	9
Karnival Puspanita Negeri Selangor	10
Program Cakap-Cakap Buku	9
Persidangan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua Belas Tahun 2012	10
Kursus Peningkatan Produktiviti	11
Selangor Agro Fest	12
Majlis Sambutan Hari Inovasi 2012	13 - 15
Istiadat / Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Selangor Yang Ke 67	16 - 17
Penganugerahan Zon Bersih	18
Mesyuarat Agung Kelab SUK Selangor	19

BIL. 4/12 EDISI OKT - DIS 2012



SIDANG REDAKSI

PENAUNG
YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

KETUA EDITOR
Muhammad Hanafi bin Ahmad

EDITOR
Nurmala binti Saaman

SIDANG EDITORIAL
Nor Fariza binti Daud
Nooraini binti Jailani
Fara Hanim binti M Sharif
Sahida binti Mohamad Sofi

FOTOGRAFI
Ahmad Fadhli bin Yahya

REKA & CETAK
D'MACRIZ COMMUNICATION
016 346 5846 / 019 377 5044

Perbarisan Jubli Emas
Angkatan Sukarela (Wataniah) Negeri Selangor



Satu Acara Perbarisan Jubli Emas Angkatan Sukarela (Wataniah) Negeri Selangor 2012 telah diadakan pada 12 Oktober 2012 di Dataran Dewan Negeri Selangor Bangunan SSAAS. Turut diadakan, Majlis Pemakaian Pangkat Kehormat & Pelancaran Penubuhan Platun Anggota Sukarelawan Wataniah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Majlis yang bermula jam 8.00 pagi itu, dihadiri oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Kolonel (K) Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi selaku pengerusi Jawatankuasa Pendokong Askar Wataniah (JAKPAW) Negeri Selangor. Hadir sama Komander Rejimen 502 AW, Brigadier Jeneral Prof. Madya Thantawi Jauhari Ahmad dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Leftenan Kolonel (K) Dato' Tarmedi bin Haji Omar.

Acara perbarisan Jubli Emas yang diadakan adalah buat kali yang ke-50 daripada Rejimen Askar Wataniah 502 Kem Sungai Buloh. Majlis pemakaian pangkat Mejar Kehormat telah disempurnakan oleh Kolonel (K) Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi kepada 12 orang pegawai Kerajaan Negeri Selangor yang terdiri daripada Pegawai Daerah, Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis Daerah dan Ketua Jabatan.

Turut diadakan, acara pelancaran penubuhan Platun Sukarelawan Wataniah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dianggotai seramai 35 orang kakitangan di pejabat ini. Platun ini diuruskan oleh Mejar (K) Tuan Haji Misnun Bin Haji Ramli. Selain itu, terdapat juga pameran yang diadakan di Lobi Bangunan SSAAS bagi tujuan pendedahan dan juga tarikan kepada tetamu dan kakitangan bagi menyertai Anggota Sukarelawan Wataniah. Antara yang dipamerkan adalah senjata-senjata ringan, alatan perhubungan semboyan anggota tentera dan sebagainya.





Lawatan **Ketua Setiausaha Negara** Ke Selangor







Pada 11 Oktober 2012 yang lalu, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Dato' Sri Dr. Ali Bin Hamsa telah mengadakan lawatan ke Negeri Selangor. Lawatan ini dimulakan dengan Majlis Mengadap D.Y.M.M Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam. Kemudiannya, beliau hadir ke Majlis Perjumpaan Ketua Setiausaha Negara Bersama Penjawat Awam Persekutuan/Negeri Selangor pada jam 11.00 pagi yang diadakan di Intekma Resort, Shah Alam.

Majlis dihadiri oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi. Turut menghadiri majlis, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, YB Datin Paduka Zauyah Binti T. Loth Khan, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, YB Dato' Mohd Arif Bin Abdul Rahman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) YBhg. Dato' Noordin Bin Sulaiman dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YBhg. Dato' Tarmedi Bin Haji Omar. Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta penjawat awam di negeri ini juga turut hadir.

Majlis diserikan dengan persembahan koir oleh Pasukan Koir Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berkaitan hal-ehwal pentadbiran Negeri Selangor Darul Ehsan diikuti dengan ucapan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ali Bin Hamsa berkenaan lawatan beliau ke negeri ini. Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengahari bersama para hadirin.

Program Mesra Rakyat Tahun 2012 Daerah Petaling Jaya



Pada 12 Oktober 2012 bertempat di Dewan Banquet, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah diadakan satu Program Mesra Rakyat Tahun 2012 Daerah Petaling Jaya. Program ini adalah anjuran Biro Pengaduan Awam Negeri Selangor dengan kerjasama Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor manakala Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menjadi tuan rumah pada kali ini.

Program ini bermula pada jam 8.30 pagi dan dihadiri oleh Timbalan Dato Bandar, YBhg. Tuan Puasa Bin Md Taib. Dalam program ini, beberapa jabatan dan agensi kerajaan telah membuka kaunter aduan. Diantaranya ialah Syabas, TNB, Biro Pengaduan Awam, RELA, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Majlis ini telah dihadiri seramai lebih kurang 100 orang awam dan mereka juga turut mengambil kesempatan mengutarakan masalah-masalah yang dihadapi di kawasan tempat tinggal mereka dan telah mendapat maklum balas segera. Program tersebut berakhir pada jam 12.00 tengahari.







Pertandingan Menembak Jubli Emas Angkatan Sukarela (Wataniah) Negeri Selangor



Satu Pertandingan Menembak di antara Jawatankuasa Pendokong Askar Wataniah (JAKPAW) & Angkatan Sukarelawan Wataniah Negeri Selangor telah diadakan di Lapang Sasar Bukit Jugra pada 20 Oktober 2012. Pertandingan ini disertai oleh Ahli Jawatankuasa JAKPAW Negeri Selangor. Antara tetamu kehormat yang hadir ialah YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Kolonel (K) Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi selaku Pengerusi JAKPAW, Brigadier Jeneral Prof. Madya Thantawi Jauhari Ahmad, Tuan Pegawai Daerah Sabak Bernam, Mejar (K) Tuan Haji Mohd Zainal Bin Mohd Nor dan Tuan Pegawai Daerah Kuala Langat, Mejar (K) Tuan Mohamad Yasid bin Bidin

Pertandingan yang bermula pada jam 8.00 pagi ini turut disertai oleh beberapa anggota platun Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Terdapat 2 kategori menembak yang dipertandingkan iaitu kategori rifle M-16 dan kategori Pistol. Kedua-dua acara ini terbahagi kepada peserta lelaki dan peserta perempuan. Acara dimulakan dengan kategori menembak rifle M-16 ke sasaran dengan halangan sejauh 110 meter. Terdapat 4 halangan dimana setiap halangan, hanya 5 butir peluru dibenarkan untuk dilepaskan ke sasaran. Bagi kategori pistol, sasaran sejauh 20 meter dan peserta diberikan 2 kelopak peluru dan setiap kelopak terdapat 5 butir peluru.

Selain daripada pertandingan tersebut, ada beberapa pertandingan lain turut diadakan seperti memasukkan dan mengeluarkan peluru ke dalam kelopak dan pertandingan memasang senjata rifle M-16. Peserta yang mendapat masa terpantas bagi kedua-dua pertandingan diberikan hadiah.

Pemenang bagi kategori rifle M-16 ialah Mejar (K) Tuan Haji Mohd Zainal Bin Mohd Nor manakala kategori pistol pula adalah Mejar (K) Tuan Haji Misnun Bin Haji Ramli. Hadiah disampaikan oleh Kolonel (K) Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi.





Bengkel Sasaran Kerja Tahunan 2013 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor





Bertempat di Pulai Springs Resort, Johor, Bengkel Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2013, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah diadakan dengan jayanya pada 1 hingga 3 November 2012 yang lalu.

Seramai 86 orang peserta terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Kerajaan hingga Kumpulan Pelaksana terlibat dalam bengkel ini; masing-masing dari Sayap Pengurusan dan Sayap Pembangunan.

Bengkel dimulakan dengan Majlis Ucaptama oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi pada malam hari pertama. Bengkel diteruskan di hari kedua dengan perbincangan SKT 2013 di antara Sayap Pengurusan dan Sayap Pembangunan sebelum para peserta bengkel dibawa melawat ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor di Bangunan Sultan Iskandar, Nusajaya. Delegasi lawatan diberikan taklimat berkaitan Pembangunan Wilayah Iskandar, lawatan ke Dewan Undangan Negeri Johor dan diakhiri dengan jamuan ringan.



Pembentangan fokus dan SKT 2013 telah diadakan pada malam hari kedua bagi kedua-dua sayap. Bagi Sayap Pengurusan, pembentangan telah disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) YBhg. Dato' Tarmedi bin Haji Omar, manakala bagi Sayap Pembangunan telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Seksyen Makro dan Penswastaan UPEN, Encik Nor Azmie bin Diron.

Dalam sesi pembentangan tersebut, kedua-dua sayap menunjukkan perancangan dan fokus utama masing-masing bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



Majlis Jasamu Dikenang – YB Dato' Mohd Arif Bin Abdul Rahman (Mantan Pegawai Kewangan Negeri)

Pada 19 November 2012, bertempat di Hotel Grand Dorsett Subang Jaya telah diadakan Majlis Jasamu Dikenang untuk YB Dato' Mohd Arif Bin Abdul Rahman (Mantan Pegawai Kewangan Negeri Selangor). Majlis itu turut dihadiri oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, YB Dato' Noordin Bin Sulaiman, Barisan EXCO Kerajaan Negeri serta Ketua-Ketua Jabatan Negeri Selangor.

Majlis ini diadakan sebagai mengenang jasa beliau sepanjang perkhidmatan sebagai Pegawai Kewangan Negeri Selangor selama 7 tahun iaitu mulai September 2006 hingga Oktober 2012. Beliau telah mula berkhidmat pada 1 November yang lalu sebagai Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan.

Pada majlis tersebut, YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim telah menyampaikan ucapan perpisahan dan disambut ucapan balas oleh YB Dato' Mohd Arif bin Abdul Rahman. Tidak ketinggalan, penyampaian cenderamata kenang-kenangan oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim dan isteri kepada YB Dato' Mohd Arif Bin Abdul Rahman dan isteri.

Karnival Puspanita Negeri Selangor

Bertempat di Dataran SUK pada 17 November yang lalu, telah diadakan Karnival PUSPANITA Negeri Selangor yang dirasmikan oleh YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor selaku Penasihat PUSPANITA Negeri Selangor.

Karnival yang bermula pada jam 7.30 pagi dan berakhir jam 5.30 petang itu diadakan sebagai platform untuk memupuk semangat kesukanan dan ruang untuk saling kenal-mengenali dan beramah mesra serta merapatkan silaturrahim diantara ahli-ahli PUSPANITA dengan semua Pengerusi, Timbalan Pengerusi PUSPANITA Daerah.

Pelbagai acara dipertandingkan dalam Karnival tersebut. Antaranya ialah pertandingan tarian rampai dari PUSPANITA Daerah, sukaneka serta pertandingan mewarna dan melukis untuk kanak-kanak. Selain pelbagai acara yang dipertandingkan adalah pameran pendidikan, pemeriksaan kesihatan, jualan gerai serta tazkirah dhuha turut diadakan.







Program
Cakap-Cakap Buku



Seramai 13 orang kakitangan dari Bahagian/Seksyen di pejabat ini telah menghadiri Program 'Cakap-Cakap Buku' anjuran Perpustakaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 27 November 2012 yang lalu.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pembacaan dikalangan warga kerja Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor disamping menggalakkan minat membaca melalui bahan bacaan yang digemari.

Program ini bermula pada jam 10 pagi dan berakhir satu jam kemudian yang turut menampilkan dua orang novelis terkenal iaitu Durah Fatihah dan Murni Aqila, serta seorang moderator dari "Malaysia Today" iaitu Encik Utahaya Sankar SB. Ketiga-tiga mereka turut berkongsi pengalaman masing-masing mengenai kerjaya mereka sebagai penulis.

Program ini diakhiri dengan beberapa kuiz kepada para peserta dan pemberian hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Puan Asilatulsyila bt Ahmad Shukari, Pegawai Perpustakaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



Persidangan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua Belas Tahun 2012

Pada 19 November 2012 hingga 30 November 2012 yang lalu, telah berlangsungnya Persidangan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua Belas Tahun 2012. Persidangan kali ini merupakan sesi terakhir untuk 56 Ahli Dewan Negeri Selangor untuk menabur bakti dan budi kepada rakyat Selangor. Persidangan ini telah berlangsung di Bangunan Dewan Negeri Selangor.

Sidang pada kali ini dapat menyelesaikan semua soalan lisan yang berjumlah 260 soalan. Antara isu-isu yang disentuh ialah isu pengeluaran benih padi di Sekinchan yang telah dibawa oleh YB Sekinchan (YB Ng Suee Lim) yang menurut beliau telah berlaku penyelewengan. Isu seterusnya ialah isu Talam yang telah dikeluarkan kertas putih mengenainya dan Penyusunan Semula Industri Air di Selangor. YAB Dato' Menteri Besar Selangor juga telah menyentuh soal rancangan untuk membina Jambatan Klang kedua di mana Kerajaan Negeri Selangor akan mengeluarkan peruntukan untuk pembinaan jambatan tersebut.

Pada persidangan kali ini ,Pejabat Dewan telah mengeluarkan lima naskah penyata Special Select Comitee on Competence (SELCAT), Accountability and Transparency, satu laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor, satu penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat daerah dan Tanah juga satu penyata Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan. Penyata-penyata dan laporan ini telah diedarkan kepada semua ADUN, Ketua-Ketua jabatan dan pihak media. Untuk rujukan, penyata ini boleh didapati di Perpustakaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.









Kursus Peningkatan Produktiviti

Pada 29 dan 30 November 2012 yang lalu, telah berlangsungnya Kursus Peningkatan Produktiviti Kumpulan Pelaksana Siri 2/2012, anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Kursus tersebut telah diadakan di Ballroom, Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam, Selangor. Penceramah daripada Focus Learning iaitu Encik Zohdan Bin Al-Basri telah diundang untuk memberikan ceramah sepanjang kursus berlangsung.

Kursus tersebut bermula pada jam 9.30 pagi dan telah dihadiri seramai 22 orang peserta dari pelbagai jabatan di Negeri Selangor. Pelbagai maklumat berkenaan pengurusan jangkaan, tugas dan masa telah diterangkan dalam menentukan kecemerlangan sesebuah organisasi. Selain itu, sistem yang baik serta pekerja-pekerja yang bekerja di dalam organisasi adalah amatlah penting dalam memainkan peranan bagi mencapai visi, misi, objektif dan strategi untuk melahirkan pekerja yang cekap. Sijil penyertaan telah diberikan oleh penceramah kepada semua peserta yang terlibat diakhir kursus tersebut.

Program Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 2/2012

Program Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 2/2012 bersama Biro Pengaduan Awam telah berlangsung selama 2 hari iaitu pada 17hb & 18hb November 2012. Program tersebut telah diadakan di Aeon Rawang bermula dari jam 10.30 pagi sehingga 10.30 malam. Program ini telah disertai oleh 12 agensi dari Jabatan Kerajaan Negeri, Persekutuan dan Sektor Swasta. Agensi-agensi tersebut ialah Bahagian Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Pertanian, Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Majlis Perbandaran Selayang dan beberapa agensi lain turut terlibat.

Tujuan program ini diadakan adalah supaya orang ramai boleh tampil ke hadapan sekiranya mereka mempunyai aduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan atau sebarang aduan kepada Biro Pengaduan Awam. Selain itu, orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat mengenai Program-program Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri. Seramai lebih kurang 993 orang telah menghadiri program ini.







Selangor Agro Fest



Pada 11 Disember 2012, Program Selangor Agro Fest (SAF 2012) telah diadakan di Stadium Malawati Shah Alam yang bertujuan untuk menarik lebih ramai petani moden dari dalam dan luar negara untuk mempamerkan produk pertanian masing-masing. Program yang berlangsung selama 6 hari ini dilancarkan oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor dan juga dihadiri oleh EXCO Pemodenan Pertanian, Pengurusan Alam dan Pembangunan Usahawan, YB Dr. Yaakob Bin Sapari, Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) YBhg. Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman dan Encik Idrus Bin Hamid, Pemangku Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Turut memeriahkan program, EXCO Kerajaan Negeri, ADUN dan Ahli Parlimen Negeri Selangor.

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim berhasrat menjemput petani-petani moden dari luar yang melibatkan beberapa negara antaranya adalah Indonesia, Thailand dan Filipina supaya dapat membuka mata dan pandangan bagaimana sektor pertanian dapat diteruskan dan cara untuk mempertingkatkan lagi pendapatan para petani. Program yang bermotivasi ini bertujuan agar Negeri Selangor menjadi contoh kepada negeri lain dalam usaha meningkatkan keuntungan petani,seterusnya merancakkan ekonomi negeri sebagai tanda aras kejayaan perlaksanaan agenda Pertanian Moden Negeri Selangor.



Program yang bertemakan 'Selangor Peneraju Pertanian Moden' ini telah menyediakan 150 gerai yang terdiri daripada usahawan baru dan peniaga khususnya dalam bidang pertanian, industri asas tani (IAS) dan industri kecil sederhana (IKS) dalam usaha mengembangkan potensi perniagaan mereka. Selain itu, terdapat juga pelbagai acara seperti pameran pertanian, 'fun-fair', pertandingan memasak, pertandingan sukan rakyat, pertandingan futsal, ceramah perdana, persembahan pentas, 'live stock exhibition' dan 'petting zoo'. Dalam pada itu, YAB Dato' Menteri Besar turut menyampaikan lima anugerah kepada usahawan-usahawan tani dari seluruh Negeri Selangor, antara kategori – kategorinya adalah, Tanaman Terbaik, Ternakan Terbaik, Akuakultur Terbaik, Industri Asas Tani Terbaik dan Anugerah Khas Sri Kandi Padi.



Majlis Sambutan Hari Inovasi 2012

Pada 3 Disember 2012 yang lalu, telah berlangsungnya Majlis Sambutan Hari Inovasi 2012 anjuran Pentadbiran Kerajaan Selangor, yang telah diadakan di Auditorium, Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz, Shah Alam. Majlis tersebut dirasmikan oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YB Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Datin Paduka Zauyah Be Binti T. Loth Khan, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, YB Dato' Noordin Bin Sulaiman, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Ahli EXCO Kerajaan Negeri, pegawai dan kakitangan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

Majlis Sambutan Hari Inovasi 2012 diteruskan dengan Persembahan Koir, Bacaan Doa, serta Ikrar Perkhidmatan Awam dikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Hadirin telah diberikan amanat oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor semasa ucapan perasmian majlis ini. Acara kemuncak diteruskan dengan penyampaian anugerah kepada para penerima mengikut kategori masing-masing. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim serta lawatan ke Tapak Pameran Inovasi.



SENARAI NAMA PEMENANG KIK 2012

KATEGORI TEKNIKAL

JOHAN	PROTEK 2 INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)	**RM 9,000**
NAIB JOHAN	CEKS KASTAM DIRAJA MALAYSIA	**RM 7,000**
TEMPAT KETIGA	PK-TECH MAJLIS PERBANDARAN PETALING JAYA	**RM 5,000**

KATEGORI PENGURUSAN

JOHAN	EZ-SPEX JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR	**RM 9,000**
NAIB JOHAN	EVOLUSI PERKASA PENJARA SUNGAI BULOH	**RM 7,000**
TEMPAT KETIGA	MEDI PRIMA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	**RM 5,000**

SENARAI NAMA PEMENANG AISAS 2012

KATEGORI JABATAN / AGENSI

TEMPAT PERTAMA	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR	**RM 11,000**
TEMPAT KEDUA	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	**RM 8,000**
TEMPAT KETIGA	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	**RM 6,000**

KATEGORI KUMPULAN KECIL

TEMPAT PERTAMA	YOUNG CREATIVE MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	**RM 6,000**
TEMPAT KEDUA	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	**RM 4,000**
TEMPAT KETIGA	KH-PEACE MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	**RM 3,000**

SENARAI NAMA PEMENANG APPC 2012

1.	PEJABAT DAERAH / TANAH KUALA LANGAT	**RM 5,000**
2.	PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR	**RM 5,000**
3.	PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR	**RM 5,000**
4.	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR	**RM 5,000**
5.	PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG	**RM 5,000**
6.	JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA	**RM 5,000**
7.	PEJABAT DAERAH / TANAH HULU LANGAT	**RM 5,000**
8.	PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR	**RM 5,000**
9.	JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR	**RM 5,000**







SENARAI NAMA PENERIMA PENGIKTIRAFAN INOVASI LAMAN WEB

1.	PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
2.	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
3.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
4.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
5.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
6.	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
7.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
8.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG
9.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
10.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
11.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
12.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
13.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM
14.	JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA



SENARAI NAMA PENERIMA PENGIKTIRAFAN SISTEM STAR RATING PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SSR-PBT) TAHUN 2011

1.	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
2.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
3.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
4.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
5.	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
6.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
7.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG
8.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
9.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
10.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
11.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
12.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM







Istiadat / Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Selangor Yang Ke 67



D.Y.M.M Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah menyambut hari keputeraannya yang ke 67 pada 11 Disember 2012. Sempena menyambut Hari Keputeraan Tuanku, Istiadat / Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan telah diadakan pada 7 Disember 2012 hingga 11 Disember 2012.

Bermula pada 7 Disember 2012 telah berlangsung Majlis Perasmian Masjid, Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat bertempat di Masjid Al-Hidayah, Taman Malawati, Gombak. Baginda telah berkenan menyempurnakan perasmian masjid tersebut.

Pada 8 Disember 2012 telah diadakan Majlis Menziarahi Makam Diraja, Klang. Pada keesokan harinya telah diadakan Majlis Jamuan Teh Diraja Bersama-Sama Pesara Kerajaan bertempat di Padang Mahkota, Istana Alam Shah, Klang. Majlis ini diadakan untuk menghargai jasa para pesara kerajaan yang telah menabur bakti kepada negeri naungan D.Y.M.M. Sultan Selangor.

Pada 10 Disember 2012 telah berlangsung Istiadat Menyembahkan Air Doa Selamat bertempat di Bilik Singgahsana Istana Bukit Kayangan.

Pada 11 Disember 2012 telah berlangsungnya Istiadat Pemeriksaan Kawalan Kehormatan Utama bertempat di Padang Mahkota, Istana Alam Shah, Klang. Keberangkatan tiba D.Y.M.M. Sultan Selangor telah disambut dengan Tabik Hormat Diraja oleh Kawalan Kehormat Utama Tentera Laut Diraja Malaysia seramai 108 anggota. Sejurus itu lagu Negeri Selangor telah dimainkan diikuti 21 das tembakan meriam kehormat. D.Y.M.M. Sultan Selangor telah berkenan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama pada pagi itu.

Pada hari yang sama telah berlangsung Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Negeri Selangor bertempat di Balairung Seri, Istana Alam Shah, Klang. Pada istiadat tersebut Yang Amat Arif Tun Dato' Seri Arifin Bin Zakaria (Dato' Lela Negara) dan Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zulkifli Bin Mohd Zin telah menerima Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) Darjah Kelas Pertama yang membawa gelaran Dato' Seri. Yang Amat Dihormati Dato' Setia Haji Ramli Bin Mahmud, Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menerima Darjah Kebesaran Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.) Darjah Kelas Pertama yang membawa gelaran Dato' Setia.

Pada sebelah petang telah berlangsung Majlis Jamuan Teh Diraja Bersama Rakyat bertempat di Padang Mahkota, Istana Alam Shah, Klang. Majlis tersebut telah dihadiri oleh seramai lebih kurang 5000 rakyat yang tidak mahu melepaskan peluang berjumpa dengan D.Y.M.M. Sultan Selangor. Mereka juga berpeluang bersalaman dengan D.Y.M.M. Sultan Selangor pada majlis tersebut.

Semua acara Istiadat / Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Selangor Yang Ke 67 telah dihadiri oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor, YB Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Barisan EXCO Kerajaan Negeri, Orang-Orang Besar Daerah, pegawai dan kakitangan kerajaan serta rakyat Negeri Selangor Darul Ehsan.









Penganugerahan **Zon Bersih**

Satu Majlis Penghargaan Dan Penganugerahan Zon Bersih Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor 2012 telah diadakan pada 1 Disember 2012, di Dewan Shah Alam 1, Shah Alam Convention Centre (SACC). Majlis yang dianjurkan oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), bermula pada jam 10.30 pagi itu telah dihadiri oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor. Hadir sama, YB Tuan Ronnie Liu Tian Khiew, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, lagu Negeri Selangor dan ucapan alu-aluan oleh YB Tuan Ronnie Liu Tian Khiew serta ucapan perasmian oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim.

Majlis diteruskan dengan ucapan Rumusan Penilaian Zon Bersih 2012 oleh Profesor Dr. Mohd Bin Mohd Salleh iaitu Ketua Panel Penilai Zon Bersih 2012 dan dikuti dengan tayangan montaj Zon Bersih. Seterusnya, penyampaian Anugerah Zon Bersih Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor. Majlis ini diadakan bertujuan untuk meningkat mutu kebersihan alam sekitar khususnya di PBT Negeri Selangor.









Mesyuarat Agung Kelab SUK Selangor



Pada Rabu 19 Disember jam 3 petang satu majlis Mesyuarat Agong Kelab SUK Selangor telah diadakan di Dewan Jubli Perak, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Majlis telah dirasmikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi yang turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Tarmedi bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

Majlis ini diadakan untuk menghargai jasa para pesara dan juga pegawai-pegawai yang telah bertukar keluar dari Pejabat SUK Selangor serta pemberian sijil penghargaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sesi 2010-2012. Mesyuarat Agung ini dimulakan dengan pelantikan Setiausaha Sementara. Di samping itu, pengesahan Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-12 Tahun 2012 dan acara penerimaan dan kelulusan penyata kewangan dibentangkan dalam majlis tersebut.

Seterusnya, pelantikan lapan jawatankuasa kecil iaitu Kebajikan, Pendidikan, Sosial dan Kebudayaan, Sukan dan Rekreasi, Kumpulan Sokongan, Hal Ehwal Wanita, Hal Ehwal Agama, IT dan Penerbitan serta pelantikan dua orang pemeriksa kira-kira. Mesyuarat diakhiri dengan perbahasan usul oleh ahli kelab sebelum majlis bersurai.







TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH,
Park City, I-City, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
- **Tel: 03-5521 8740 atau 03-5521 8741**
- **Faks: 03-5521 8742 atau 03-5521 8743**

SKIM MESRA USIA EMAS
Rantaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G,
Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah,
Seksyen 14, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
- **Tel: 03-5510 3468 / 3472**
- **Faks: 03-5510 3455**
- **Emel: mesrausiaemas@gmail.com**

HADIAH ANAK MASUK IPT
Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor Bahagian
Pengurusan Sumber Manusia,
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S., 40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
- **Tel: 03-5544 7385 atau 03-5521 2275**
- **Faks: 03-5510 4095 atau 03-5511 0659**

PROGRAM MENINGKATKAN HASIL BATUAN DAN GALIAN
Kumpulan Semesta Sdn Bhd. Tingkat 5,
Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah,
Seksyen 14, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
- **Tel: 03-5518 7735 • Faks: 03-5518 7736**
- **Emel: info@semesta.com.my**
- **Web: www.semesta.com.my**

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor,
Tingkat 5, Bangunan S.S.A.A.S., 40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
- **Tel: 03-5544 7306 atau 035512 3618**
- **Faks: 03-5510 6678**

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita,
Sains Teknologi & Inovasi
- **Tel: 03-5519 4346 atau 03-5544 7622**
- **Faks: 03-5519 3304**

BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, Tingkat 16-17,
Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
- **Tel: 03- 5510 3999**
- **Faks: 03-5510 9977**
- **Emel: communications@kdeb.com**



selangorku

MES

MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR
www.mes.selangor.com

SKIM KESIHATAN WANITA
Rantaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G,
Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah,
Seksyen 14, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
- **Tel: 03-5510 3468 / 3472**
- **Faks: 03-5510 3455**
- **Web: http://www.e-mesra.org.my**

PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20,
Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
- **Tel: 03-5541 3616**
- **Faks: 03-5541 3617**
- **Web: www.mimbarselangor.org**

SKIM MIKROKREDIT SELANGOR
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2,
Bangunan S.S.A.A.S., 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
- **Tel: 03-5544 7104 / 03-5519 1692 / 03-5521 2312**
- **Faks: 03-5510 55829**
- **Web: www.skimsel.com**

PUSAT DIALISIS RAKYAT
Rantaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G,
Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah,
Seksyen 14, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
- **Tel: 03-5510 3468 / 3472**
- **Faks: 03-5510 3455**
- **Web: http://www.e-mesra.org.my**

PUSAT TUISYEN RAKYAT
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber
Manusia, Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
- **Tel: 03-5544 7480 / 7481 / 7482 / 7543**
- **Faks: 03-5510 4095 / 5513 5564 / 5544 7391**
- **Blog: http://tuisyenrakyat.blogspot.com**